

49

NO. SOALAN :26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DAN
BERTULIS MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH JAWAPAN : 22 NOVEMBER 2017

SOALAN

**TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembedungan yang sedang dijalankan di Papan, Perak. Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan syarikat kontraktor (Mangkubumi Sdn Bhd) yang terbabit dalam projek itu mengikut prosedur operasi standard (SOP) demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk kawasan sekitar adalah terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau & Rangkaian Paip Pembetungan Papan, Perak (Pakej 1) telah bermula pada 11 November 2015 dan dijangka siap pada 10 November 2019. Ia melibatkan komponen pemasangan rangkaian paip sepanjang 87km di kawasan Ipoh City Centre, sebahagian kawasan Gunung Rapat dan sebahagian kawasan Mengelembu.
2. Pelaksanaan projek ini sentiasa dipantau Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dan Jurutera Perunding Profesional Bertauliah di tapak supaya kerja-kerja pembinaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), spesifikasi, kehendak dan syarat-syarat kontrak terutama dari aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya yang terlibat. Selain itu, Kementerian juga amat mementingkan aspek kualiti dan keselamatan orang awam.
3. Dalam hal ini, beberapa siri perjumpaan bagi memberikan taklimat dan penerangan berkaitan pelaksanaan projek telah diatitkan bersama penduduk, orang awam dan peniaga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Penerangan dan penjelasan ke atas

51

isu-isu pembangunan projek dibincangkan bersama pada siri perjumpaan tersebut.

4. Oleh kerana projek ini melibatkan komponen pemasangan rangkaian paip di jalan jalan utama di Ipoh, Kementerian telah menetapkan bahawa kontraktor perlu mematuhi Prosedur Pengurusan Trafik/ 'Traffic Management Plan' (TMP) yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) sebagai garis panduan pengurusan dan penyeliaan trafik projek pembetulan bagi melindungi orang awam dan aset di kawasan persekitaran jajaran pembinaan projek pembetulan. Sebagai tambahan, projek ini juga menyediakan dan mengamalkan Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan*) sekiranya terdapat sebarang aduan / kecemasan di tapak.

5. Di samping itu, bagi menjamin keselamatan penduduk dan orang awam, projek ini juga melaksanakan Pelan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (*Health, Safety dan Security, HSS*) bagi menjamin kesihatan dan keselamatan di dalam tapak projek dan sekitar tapak projek. Pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berhak mengarahkan perberhentian kerja

pembinaan sekiranya pihak kontraktor projek tidak mematuhi Pelan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.

Sekian, terima kasih



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]
TARIKH : 22/11/2017 (RABU)
SOALAN : 27

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesan-kesan positif dan negatif akibat pembatalan Dasar Kabotaj terutama bagi negeri Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk menilai kesan dan impak pengecualian Dasar Kabotaj di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Proses penilaian tersebut dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua belas bulan (12 Bulan).

Sekian, terima kasih.